

MODEL R.LINA: KOMUNIKASI DUA HALA TERANCANG DALAM TRADISI LISAN

ROSLINA ABU BAKAR

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

Cerita rakyat yang disampaikan oleh penglipur lara merupakan produksi masyarakat Melayu lama. Cerita rakyat Melayu dan penyampaiannya oleh penglipur lara atau tukang cerita mempunyai keunikan yang perlu dilestarikan dengan pengisian ilmu bantu yang lebih bersifat sistematik dan saintifik. Perkembangan disiplin ilmu yang selari dengan pemodenan dunia wajar dimanfaatkan ke arah memartabatkan genre kesusasteraan khususnya sastera tradisional agar setanding dengan disiplin ilmu yang lebih bersifat terkini. Ia wajar dilaksanakan agar genre sastera rakyat bersifat holistik, sofistikated dan dihargai oleh generasi kini. Sehubungan itu, keunikan penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya dirungkai menerusi binaan model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (R.L:KDHT). Ia akan memaparkan proses tukar menukar data, fakta serta idea di samping membawa pelbagai fungsi komunikasi dan sastera rakyat itu sendiri.


Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (R.L.:KDHT) berupaya menjelaskan pendekatan komunikasi dan penggunaanya dalam tradisi lisan. Oleh sebab kepentingan proses komunikasi, interaksi dan keunikan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh penglipurlara dan khalayak ketika penyampaian cerita rakyat Melayu, maka panduan ketiga-tiganya telah menciptakan bentuk kajian komunikasi *transaksional* yang penulis namakan Model R. Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang.

TRANSAKSIONAL

Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (R.L.: KDHT) menggambarkan proses komunikasi berbentuk bulatan, secara bersama-sama dan berlakunya tindak balas antara sumber dan penerima ketika proses komunikasi dua hala. R.L:KDHT adalah berbentuk *transaksional* iaitu ia menggambarkan komunikator selalu menghantar dan menerima mesej secara serta merta. Oleh yang demikian itu, imej penerima dan penyampai tidak boleh dipisahkan. Fenomena ini menggambarkan bahawa pengirim adalah penerima sekali gus dan mereka ialah komunikator yang berupaya menerima, mendekod dan bertindak balas terhadap orang lain. Bentuk komunikasi *transaksional* ini lebih sesuai dikaitkan dengan komunikasi manusia kerana dapat memberikan gambaran proses komunikasi secara lebih lengkap. Ia tidak berlaku secara pasif tetapi secara berterusan.

Model R.L:KDHT dibina untuk menggambarkan proses komunikasi berbentuk bulatan dan secara *transaksional* iaitu proses yang mana elemen yang berkaitan dengannya adalah saling bergantungan. Peserta komunikasi yang terlibat pula saling bergerak dan bertindak balas dalam semua perkara. Proses yang berlaku akan berterusan walaupun berlaku perubahan dalam diri setiap peserta komunikasi atau persekitaran. Perubahan itu sendiri menunjukkan ia adalah suatu situasi yang berterusan.

Situasi komunikasi *interpersonal* atau komunikasi muka ke muka adalah menggambarkan peranan penglipur lara dan khalayak yang saling bertukar ganti dalam proses perbualan. Ia dapat digambarkan sebagai mana rajah berikut:



Rajah 1: Peranan Pengirim dan Penerima Saling Bertukar Ganti dalam Proses Komunikasi


UNSUR ASAS DAN UNSUR TAMBAHAN

Menerusi model R.L:KDHT, unsur asas dan tambahan adalah sebagai penggerak kepada proses komunikasi dua hala di antara penglipur lara dan khalayak.

UNSUR ASAS - SUMBER

Penglipur lara dianggap sebagai sumber kerana bertindak sebagai komunikator yang kerap menyampaikan mesej kepada penerima. Sepanjang proses komunikasi, penglipur lara berusaha menjadikan proses komunikasi dua hala berjaya dan berkesan. Sehubungan itu, penglipur lara perlu menggabung jalin elemen *intrapersonal* seperti pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kreativiti dan kecerdasan ketika membuat persembahan.

Antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanan proses komunikasi dua hala ialah taraf pengetahuan individu. Sehubungan itu, penglipur lara atau sumber perlu peka terhadap taraf pengetahuan khalayak agar proses penciptaan dapat diapresiasi dengan sempurna. Sehubungan itu, pengaplikasian pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kreativiti, dan kecerdasan yang dimiliki oleh penglipur lara perlu disesuaikan dengan tahap pengetahuan penerima atau khalayak. Ia disebabkan, penyesuaian yang dilakukan akan memudahkan khalayak mendekod mesej yang disalurkan. Kenyataan tersebut sebagaimana rajah berikut:



Rajah 2: Penggabung Jalinan Elemen *Intrapersonal* Penglipur Lara

UNSUR ASAS: MESEJ

Unsur asas yang kedua ialah mesej atau perutusan yang merupakan isi komunikasi. Mesej atau perutusan adalah elemen penting dalam proses komunikasi dan merupakan tujuan yang ingin disampaikan oleh penglipur lara kepada khalayak. Penglipur lara atau sumber menjalani proses enkod sebelum menyampaikan perutusan kepada khalayak. Ketika penglipur lara atau sumber menuturkan cerita rakyat Melayu, beliau menyalurkan mesej yang membawa maksud menerusi perkataan-perkataan atau simbol-simbol untuk disampaikan kepada khalayak. Sehubungan itu, mesej yang disalurkan oleh penglipur lara atau sumber kepada khalayak atau penerima akan membawa kepada sesuatu makna.

UNSUR ASAS: SALURAN

Unsur asas yang ketiga pula ialah saluran yang membawa mesej. Proses komunikasi *interpersonal* antara penglipur lara dan khalayak adalah menggunakan saluran gelombang suara dan gelombang cahaya. Menerusi komunikasi dua hala terancang, penglipur lara harus memikirkan sama ada saluran itu berupaya membawa mesej dalam bentuk yang dienkodkan untuk membolehkan khalayak mendekod mesej yang dikirimkan itu. Jelas bahawa, saluran merupakan satu alat atau medium dan pemilihan saluran oleh sumber merupakan faktor penting untuk menentukan sama ada komunikasi itu berkesan atau sebaliknya.

UNSUR ASAS: KHALAYAK

Unsur asas yang terakhir ialah khalayak penerima, iaitu 'penonton-penonton' komunikasi *interpersonal*. Penerima iaitu 'penonton-penonton' komunikasi *interpersonal* membawa erti seseorang yang memerhati dan merujuk kepada sesiapa sahaja yang menerima, mendengar, membaca, dan melihat sesuatu komunikasi itu walaupun penerima komunikasi itu hanya terdiri daripada seorang individu sahaja. Sehubungan itu, komunikasi dua hala yang terancang akan menyebabkan penglipur lara dan khalayak dapat menggunakan informasi bersama sehingga berjaya memahami apa yang dimaksudkan di antara satu sama lain.

UNSUR TAMBAHAN: TINDAK BALAS

Unsur tambahan pula adalah terdiri daripada tindak balas dan gangguan. Tindak balas adalah elemen yang menghasilkan sebarang reaksi atau respons dalam kalangan khalayak yang mendengar dan menyaksikan persembahan penglipur lara. Sebarang rangsangan dan tindak balas terhadap komunikasi itu akan menentukan perjalanan komunikasi seterusnya, dan proses ini berlaku secara bulatan dalam bentuk *transaksional*. Menerusi komunikasi dua hala, para peserta komunikasi tidak mungkin gagal bertindak balas terhadap sesuatu. Khalayak yang senyap atau gagal bertindak balas secara terbuka ketika proses komunikasi adalah juga merupakan suatu tindak balas. Penghasilan tindak balas oleh penglipur lara dan khalayak adalah merupakan suatu mesej. Proses ini berlaku secara berterusan, dan membuktikan bahawa komunikasi bukanlah satu garis lurus malah satu bulatan.

Proses komunikasi yang berlaku secara bulatan ini tidak berlaku secara terus kerana komunikasi tidak memindahkan makna terus daripada satu fikiran kepada satu

fikiran yang lain. Situasi ini memerlukan proses penterjemahan. Antaranya, penglipur lara mempunyai beberapa makna yang ingin ditujukan kepada khalayak, lalu memilih beberapa perkataan untuk menyampaikan makna tersebut. Kemudian, beliau mengutus perkataan itu kepada khalayak lalu khalayak menerima perkataan tersebut dan menginterpretasikan maknanya sendiri. Sekiranya khalayak menginterpretasikan makna yang sama seperti yang diberikan oleh penglipur lara, maka proses komunikasi dua hala yang berlaku adalah berjaya dan berkesan.

UNSUR TAMBAHAN: GANGGUAN

Unsur tambahan yang kedua pula ialah gangguan. Gangguan berlaku dalam proses komunikasi ketika penglipur lara sedang mengirim mesejnya kepada khalayak. Gangguan turut berlaku dalam saluran atau semasa penerima menerima mesej yang dikirimkan. Apa sahaja yang mengganggu kelincinan proses komunikasi adalah diistilahkan sebagai gangguan. Penglipur lara mempunyai kesan terhadap khalayak, khalayak pula mempunyai kesan terhadap penglipur lara. Sehubungan itu, kedua-duanya secara serentak adalah sumber dan penerima walaupun penglipur lara dijadikan sebagai sumber utama dalam penyampaian cerita rakyat Melayu. Ia turut memaparkan hubungan dua hala antara penglipur lara dan khalayak. Situasi ini berlaku lebih daripada satu tahap iaitu tahap intraperibadi dan di antara peribadi. Komunikasi intraperibadi adalah asas kepada komunikasi yang berlangsung pada semua tahap yang lain.

PENGLIPUR LARA DAN HUBUNGANNYA DENGAN TUHAN, INDIVIDU, MASYARAKAT DAN ALAM

Pembinaan model R.L:KDHT adalah menggambarkan bahawa komunikasi tidak wujud secara terpencil. Proses komunikasi berhubung dengan setiap aspek lain dalam kehidupan. Selain daripada mengguna pakai unsur asas dan tambahan, pengkaji melakukan penambahan elemen seperti hubungan penglipur lara dengan Tuhan, individu, masyarakat dan alam agar model binaan pengkaji ini (R.L:KDHT) bersesuaian dengan ruang lingkup dunia Melayu. Elemen-elemen tersebut menggambarkan bahawa komunikasi berlaku dalam pelbagai tahap, dan tiga daripada tahapnya ialah tahap intraperibadi, antara peribadi dan tahap individu dengan kumpulan.

PENGLIPUR LARA DAN HUBUNGANNYA DENGAN TUHAN

Manusia berinteraksi dengan Tuhan. Interaksi dan komunikasi ini diatur oleh agama, dan agama mengajar bagaimana mahu melakukan komunikasi sejati dengan Tuhan, seperti solat, berdoa, beribadat, zikir dan sebagainya. Hubungan antara manusia dengan Tuhan adalah sebagai hubungan antara Pencipta dengan ciptaan-Nya;...

(Zainal Abidin Borhan, 1999: 54)

Penulis berpendapat, insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani adalah berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sehubungan itu, untuk mencapai keberkesanan proses komunikasi, komunikasi berlandaskan Islam perlu dipraktikkan. Malahan, proses serta aktiviti komunikasi sebenarnya telah berlaku sejak bermulanya kehidupan manusia sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran, dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w.

Wahai Rasulullah! sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya) maka (bermakna) tiadalah engkau menyampaikan perutusannya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia.

(Al-Maidah: 67)

Penglipur lara menyampaikan mesej mengikut kadar keupayaannya, dan tanggungjawab tersebut memperlihatkan tugas komunikasi adalah suatu tugas yang penting daripada perspektif Islam. Ia menggambarkan pentingnya penyampaian mesej dengan berkesan berdasarkan prinsip-prinsip komunikasi tertentu yang digariskan oleh al-Quran dan sunnah. Oleh yang demikian itu, terhasillah komunikasi sehala seperti berdoa, kekuatan jiwa dan rohani untuk memohon satu proses komunikasi yang berkesan.

Agama merupakan sebahagian daripada aspek hidup. Islam melahirkan budaya dan ia diperkembangkan menerusi proses komunikasi. Sehubungan itu, proses komunikasi dua hala yang dipaparkan adalah merangkumi komunikasi daripada sudut Islam, berlandaskan prinsip, etika, norma, adat dan budaya masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Bagi merungkai hubungan penglipur lara dan Tuhan, analisis dilengkapkan menerusi pengaplikasian komunikasi daripada perspektif Islam. Berpandu kepada al-Quran, penghayatan mengenai keindahan dan sifat-sifat murni Rasulullah s.a.w. daripada segi

akhlak, pengajaran serta adab berkomunikasi oleh baginda dapat dijadikan ikutan dan panduan.

Sesungguhnya cara atau teknik berkomunikasi oleh penglipur lara secara tidak langsung adalah mempunyai hubungan dengan komunikasi dari perspektif Islam. Antaranya, untuk menghasilkan komunikasi dua hala yang berkesan, mesej yang dienkodkan oleh penglipur lara perlu mempunyai isi, iaitu maklumat yang merupakan mesej atau perutusan. Ia adalah satu elemen penting dalam proses komunikasi yang disalurkan menerusi suatu medium atau saluran. Contoh petikan berikut memaparkan persoalan mengenai takdir llahi. Ia membawa tujuan dan harapan sumber menerusi isi mesej yang akan memberi kesan kerohanian dalam kalangan khalayak. Contoh petikan:

*Kita tak tahu apa mendatang,
Di mana duduk di mana berdiri;
Kita hanya boleh merancang,
Hanya Tuhan dapat menjadi*

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Hajat Tak Sampai" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

Menerusi komunikasi dua hala, penglipur lara yang bertindak sebagai sumber sentiasa bergantungan kepada Tuhan yang berfungsi sebagai pemberi tenaga kreatif. Fenomena ini turut berlandaskan kepada prinsip komunikasi dalam Islam yang bertujuan untuk menyampaikan kalam Allah di atas muka bumi ini. Sehubungan itu, ia berpaksikan usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah kejahanatan atau kemungkaran. Landasan ini adalah selari dengan fungsi penyebaran cerita rakyat itu sendiri iaitu sebagai alat pemberi nasihat dan pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat. Jelas bahawa, pengaplikasian komunikasi dari perspektif Islam dapat membantu keberkesanan penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara kepada khalayak.

Antara contoh petikan menerusi cerita rakyat Melayu yang dapat menghibur, menjana pemikiran, menyalurkan ilmu pengetahuan kepada khalayak menerusi komunikasi dari perspektif Islam ialah:

Dan sambil ketawa, Mat Jenin berkata. "Dari pemanjat buah kelapa, akhirnya aku menjadi raja". Dia ketawa terbahak-bahak, tangan memeluk batang kelapa

terlepas, tidak dapat mengimbangkan badan, lalu Mat Jenin jatuh ke bawah. Setelah dilihat orang, Mat Jenin sudah tidak bernyawa lagi kerana, mempunyai angan-angan yang tinggi tanpa dengan tidak membawa, membawa keuntungan diri sendiri.

*Dalam semak ada tulang,
Ayam kuning membuat sarang,
Orang tamak memangnya jurang,
Ada kerja, ada kerja badan terbuang.*

Kita manusia hendaklah mempunyai ikhtiar yang lebih, bukan sekadar berangan angan di muka pintu.

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Mat Jenin (Versi Selatan)" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

PENGLIPUR LARA DAN HUBUNGANNYA DENGAN INDIVIDU

Elemen hubungan penglipur lara dan individu turut dipaparkan menerusi proses komunikasi dua hala. Menerusi model R.L:KDHT, penulis memaparkan cerita rakyat Melayu sebagai hiburan, medium pendidikan, pembentuk etika mulia serta membentuk, memelihara pandangan dunia dan budaya Melayu. Elemen hubungan penglipur lara dengan individu dihubungkan menerusi model ini kerana komunikasi melibatkan dimensi kandungan dan hubungan. Komunikasi melibatkan aspek kandungan yang merujuk kepada tindak balas tingkah laku peserta komunikasi yang diharapkan. Contohnya, penyampaian cerita rakyat Melayu merupakan usaha untuk memperbaiki semula atau merawat penyakit sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Manakala aspek hubungan pula adalah bagaimana komunikasi itu berlaku di antara sumber dan khalayak. Contohnya, menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu, elemen intelek yang telah dijana dikembangkan lagi dengan potensi emosi dan rohani untuk meningkatkan rasa suka dan minat khalayak.

Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Hashim Fauzy Yaacob (2001:19-20), iaitu komunikasi melibatkan dimensi kandungan dan hubungan. Aspek kandungan merujuk kepada tindak balas tingkah laku yang diharapkan dan aspek hubungan pula menerangkan bagaimana komunikasi itu berlaku.

Menerusi hubungan di antara penglipur lara dan individu, nilai berbentuk amanat yang disuguhkan menerusi cerita rakyat Melayu adalah harapan dan jangkaan penglipur lara agar individu dapat mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Contohnya, nilai berbentuk amanat seperti sikap bertanggungjawab yang disogokkan oleh penglipur lara menerusi cerita rakyat Melayu akan mengharapkan dan menjangkakan bahawa individu akan mempraktikkan sikap tersebut dalam kehidupan seharian. Pelaksanaannya turut dibantu oleh latar budaya yang sama antara peserta komunikasi.

Sehubungan itu, ketika menuturkan cerita rakyat Melayu, penglipur lara atau tukang cerita mempraktikkan komunikasi yang berkesan dengan menyalurkan mesej yang mempunyai isi kepada khalayak. Isi yang dimaksudkan di sini ialah maklumat yang terdapat dalam mesej yang dienkodkan oleh penglipur lara atau tukang cerita kepada khalayak. Berdasarkan keseluruhan cerita rakyat Melayu yang dituturkan, penglipur lara atau tukang cerita tidak menghantar mesej yang kosong kepada khalayak kerana menyedari bahawa mesej yang kosong tidak akan mendatangkan sebarang kesan. Contohnya, petikan tersebut memaparkan mesej yang dienkodkan oleh sumber kepada penerima yang membawa isi iaitu maklumat mengenai keburukan sikap tamak. Contoh petikan:

*Dalam semak ada tulang,
Ayam kuning membuat sarang;
Orang tamak memangnya jurang,
Ada kerja badan terbuang.*

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Mat Jenin (Versi Selatan)" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

Hubungan di antara penglipur lara dengan individu dapat menerangkan bagaimana proses komunikasi itu dilaksanakan. Antaranya, penglipur lara dan individu perlu mempunyai perasaan positif, penglipur lara juga perlu bersikap adil serta rendah diri. Sehubungan itu, suasana ini akan melahirkan keselesaan dan membantu keberkesanan komunikasi. Di samping itu, hubungan di antara individu dapat membentuk kehidupan bermasyarakat. Contohnya, nada merendah diri penglipur lara secara tidak langsung dapat menerapkan nilai murni dalam kalangan khalayak. Di samping itu, komunikasi bukan lisan penglipur lara seperti senyuman adalah pemaparan air muka yang menunjukkan emosi

gembira. Situasi ini memberi peluang kepada sumber untuk mendekati khalayak sambil menghibur. Berikut adalah contoh ungkapan pantun yang berperanan untuk menjana intelek dan emosi peserta komunikasi dalam tradisi lisan. Contoh petikan:

*Asal santan menjadi santan,
Asal minyak menjadi minyak;
Kalau salah dalam buatan,
Mohon ampun banyak-banyak.*

*Kalau tuan pergi ke kedai,
Belikan saya buah halua;
Bukan hanya menunjuk pandai,
Sekadar hanya bersenda sesama.*

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Cerita Terpanjang" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

PENGLIPUR LARA DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT

Menerusi hubungan penglipur lara dengan masyarakat pula, aspek ini memaparkan cerita rakyat Melayu sebagai unsur komunikasi sosial dan kawalan sosial berlandaskan tiga aspek, iaitu pandangan dunia dan sistem ekonomi, politik dan sosial. Aspek nilai dalam komunikasi sosial masyarakat Melayu menekankan persoalan kesedaran terhadap nilai dan etika dalam kehidupan bermasyarakat. Cerita-cerita rakyat Melayu yang dituturkan oleh penglipur lara terkandung kawalan sosial, iaitu nilai-nilai murni yang wajar diteladani dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Sememangnya orang Melayu mempunyai sejarah budaya yang mantap dan mempunyai paras tamadun yang tinggi sejak lama dahulu. Sehubungan itu, penuturan cerita rakyat Melayu secara keseluruhannya adalah berfungsi sebagai kawalan sosial untuk mengekalkan dan memelihara keutuhan budaya masyarakat.

Di samping itu, cerita rakyat Melayu juga sarat dengan gambaran mengenai masyarakat tradisi serta hubungannya dengan kepentingan sistem ekonomi, fenomena sosial, susun lapis sosial, perhubungan di antara individu yang berasaskan hidup berkelompok dan sistem penempatan berkelompok. Turut disisipkan juga aspek nilai dan etika dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai-nilai seperti semangat kerjasama, perasaan kekitaan, saling hormat-menghormati, tolong-menolong, bertanya khabar, dan

seumpamanya merupakan satu bentuk komunikasi dalam kalangan masyarakat yang dilakukan secara bersama pada peringkat komuniti.

Ia membuktikan bahawa menerusi komunikasi dua hala, penglipur lara berupaya menyediakan sumber ilmu pengetahuan yang memungkinkan khalayak bersikap serta bertindak sebagai anggota masyarakat yang sedar akan fungsi sosialnya dalam kalangan masyarakat. Antara fungsi dan tujuan komunikasi ialah sosialisasi. Oleh hal yang demikian itu, sebagai sumber yang kompeten, penglipur lara berusaha menghasilkan kesan perubahan tingkah laku khalayak. Contohnya, nilai-nilai murni yang disisipkan menerusi cerita-cerita rakyat Melayu dapat diteladani dan diaplikasikan oleh khalayak dalam kehidupan seharian. Contoh petikan:

Berjalan dari selangkah ke selangkah sampai ke sebuah desa. Di situ, orang di situ tengah bergotong royong membuat sebuah rumah.

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Tiada yang Pernah Betul" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

PENGLIPUR LARA DAN HUBUNGANNYA DENGAN ALAM

Akhirnya, menerusi R.L:KDHT, penulis turut membina hubungan penglipur lara dengan alam. Menerusi komunikasi dua hala, gambaran alam ketika penyampaian cerita rakyat Melayu dapat berfungsi sebagai fantasi, kerohanian dan kognitif. Pemaparan ini menggambarkan bahawa manusia menyesuaikan dirinya dengan alam sekeliling bagi tujuan memenuhi keperluan asasnya. Sungguhpun begitu, manusia daripada pelbagai golongan masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza terhadap alam semesta. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan itu ialah sifat fizikal alam sekeliling dan matlamat hidup para individu itu sendiri.

Di bidang antropologi, tanggapan manusia mengenai alam diistilahkan sebagai pandangan dunia. Sehubungan itu, pelbagai unsur seperti unsur intrinsik penceritaan, ilmu bantu dan fenomena alam adalah sebagai bahan yang akan diolah dan dibentuk untuk menghasilkan cerita rakyat Melayu. Hasilnya, cerita rakyat Melayu dapat memberi makna dan mencetuskan pelbagai interpretasi. Di samping itu, keindahan alam sekeliling yang disisipkan menerusi cerita rakyat Melayu dapat membantu khalayak bersikap tenang, berfantasi serta penawar kedukaan, dan memantapkan kerohanian serta ketakwaan kepada Allah. Kewujudan kecerdasan *intrapersonal* dan *naturalis* adalah pendorong kepada penglipur lara untuk menghargai alam ciptaan Ilahi dan

mengaplikasikannya ke dalam cerita rakyat Melayu. Di samping itu, kecerdasan akan turut membantu pembentukan rohani dan emosi peserta komunikasi. Berikut adalah contoh cerita rakyat Melayu yang memaparkan konflik yang dilalui oleh sesama alam. Ciptaan watak-watak yang mewakili alam seperti angin, ombak, burung, lautan dan matahari berupaya berfungsi sebagai unsur hiburan dan didaktik kepada khalayak. Contoh petikan:

*"Wahai kekandaku, marilah kita pindah dari sini, membuat sarang di tempat lain,
kerana telur kita tidak akan selamat kalau-kalau dilambung ombak, kalau berlaku
angin dan ribut, nescaya telur kita habis berterbangan...."*

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Kedidi Melawan Lautan" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

Jelas bahawa jalinan erat di antara alam dan cerita rakyat Melayu tidak dapat dinafikan. Kecerdasan *intrapersonal* dan *naturalis* yang dimiliki oleh penglipur lara mencetuskan penghasilan cerita rakyat Melayu yang memaparkan keindahan alam. Keindahan alam sekeliling menerusi cerita rakyat Melayu akan dapat membantu khalayak bersikap tenang serta penawar kedukaan, menjana kognitif dan memantapkan kerohanian serta ketakwaan kepada llahi.

Manusia juga tidak dapat menafikan bahawa keindahan alam semula jadi yang dipersepsi adalah diminati dan dinikmati. Kebanyakan cerita rakyat Melayu yang dituturkan oleh penglipur lara memaparkan aspek alam seperti keindahan pepohon, binatang seperti burung-burung dan sebagainya. Fenomena tersebut dapat membahagiakan khalayak di samping dapat dihubungkan dengan unsur kerohanian. Jelas bahawa, keindahan alam tidak sahaja dapat dilihat menerusi unsur fizikal malah keindahannya berpadu erat dengan manusia atau etika manusia. Keindahan yang merupakan satu tanda ciptaan Tuhan adalah menuntut setiap individu agar menghargainya. Sehubungan itu, interpretasi mengenai kejadian alam yang bersifat konkret atau abstrak menerusi cerita rakyat Melayu adalah menggambarkan pandangan dunia masyarakat Melayu.

Alam juga sebagai unsur kognitif iaitu keindahan alam dilihat sebagai sesuatu yang difikirkan atau melibatkan proses kognitif. Keindahan alam tidak hanya tersimpan di alam minda penglipur lara malah menjadi bahan atau inspirasi kepada penciptaan cerita rakyat Melayu untuk dituturkan. Sehubungan itu, sewaktu menikmati alam, penglipur lara tidak

hanya menikmati sahaja malah bersikap kagum lalu menghubungkannya kepada proses penciptaan. Setelah penyampaiannya, maka berlakulah proses kognitif dalam kalangan khalayak.

KECERDASAN PELBAGAI PENGLIPUR LARA DALAM R.L:KDHT

Proses komunikasi dua hala yang dibentuk adalah mengharapkan keberkesanan dan perubahan tingkah laku dalam kalangan peserta komunikasi. Sehubungan itu, segala unsur dan elemen yang terkandung di dalam model R.L:KDHT memerlukan komponen lisan dan bukan lisan bagi menuju ke arah keberkesanan proses komunikasi.

R.L:KDHT turut dihubungkan dengan teori kecerdasan pelbagai yang diperkembangkan oleh Howard Gardner pada tahun 1983. Teori kecerdasan pelbagai menekankan bahawa kecerdasan adalah kemampuan seseorang individu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian, kemampuan untuk menghasilkan persoalan-persoalan baru untuk diselesaikan serta kemampuan untuk mencipta suatu produk yang berguna. Contohnya, menerusi komunikasi dua hala terancang, pergerakan badan penglipur lara yang terdiri daripada tiga kategori besar iaitu gerak dan orientasi badan, ekspresi muka dan mata dapat memaparkan cerita rakyat Melayu agar lebih bersifat sofistikated. Gerak dan orientasi badan merujuk kepada pergerakan kepala, tubuh, lengan tangan dan kaki, dan ia juga merujuk kepada seluruh orientasi badan atau gaya. Air muka sumber atau penglipur lara yang dipaparkan pula adalah satu petunjuk bukan lisan yang cukup penting. Tingkah laku mata pula mungkin merupakan bahagian badan yang paling ekspresif. Maka, pergerakan badan penglipur lara atau sumber dirujuk sebagai kinesik, dan ia dapat memberikan gambaran (ekspressif).

Penulis mengaitkan kajian budaya menerusi pelbagai kecerdasan kerana terdapat budaya yang cenderung kepada kecerdasan. Kecerdasan pelbagai yang dimiliki oleh penglipur lara menerusi proses komunikasi, ciri kecerdasan *bodily-kinesthetic*, iaitu hubungan minda, dan anggota badan yang amat erat hubungannya dengan budaya masyarakat Melayu dapat dirungkai menerusi model R.L:KDHT. Contohnya, menerusi cerita rakyat Melayu, penglipur lara menggambarkan aksi atau pergerakan watak-watak ciptaannya berdasarkan situasi. Fenomena ini dapat membantu pembentukan jasmani penglipur lara. Kedua, kebolehan penglipur lara menghasilkan unsur-unsur mimik muka ketika menggambarkan perwatakan watak berupaya mengekspresikan emosi marah, benci, gusar, resah, dan lain-lain. Ketiga, kebolehan penglipur lara mengawal pergerakan, iaitu penyesuaian pergerakan mengikut satu-satu situasi ketika penyampaian cerita rakyat Melayu.

Sehubungan itu, penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya memperlihatkan bahawa komunikasi lisan dan bukan lisan patut dianggap sebagai unit yang saling melengkapi dan tidak terpisah ketika mengeluarkan mesej. Penglipur lara menggunakan keseluruhan potensi yang dianugerahkan Allah, menjana minda, kreatif dan kritis untuk menyeimbangkan dan mempergiatkan pelbagai kecerdasan yang dimilikinya. Ia membuktikan bahawa komponen lisan dan bukan lisan saling bekerjasama dan berselang-seli untuk mengeluarkan mesej.

Jelas bahawa, elemen kecerdasan pelbagai yang dihubungkan dengan proses komunikasi seperti kecerdasan bahasa/linguistik, kecerdasan muzik, kecerdasan *bodily-kinesthetic*, kecerdasan *interpersonal*, kecerdasan *intrapersonal*, dan kecerdasan *naturalis* menerusi R.L:KDHT dapat membantu keberkesanan proses komunikasi dua hala di antara penglipur lara dan khalayak. Antaranya, kecerdasan *intrapersonal* dan kecerdasan linguistik yang dimiliki oleh penglipur lara dapat menghibur, menyempurnakan rohani dan memberi manfaat kepada peserta komunikasi. Ia turut berupaya membantu pembentukan intelek para peserta komunikasi. Contohnya, menerusi komunikasi dua hala, kemahiran berbahasa yang dimiliki oleh penglipur lara mampu menarik minat, membangkitkan emosi serta merangsang kognitif khalayak. Contoh petikan:

*Cantik Cik Puteh cantik terperi,
Siapa memandang jatuh berahi,
Umpama puteri seorang bidadari,
Jatuh melayang turun ke bumi.*

*Suara cik Puteh amat merdunya,
Siapa mendengar amat terpesona.
Burung yang terbang turun ke bawah,
Tanaman berputik terus berbuah.
Anjing menyalak berhenti tersedu,
Mendengar Cik Puteh madah berlagu.*

*Hujan yang lebat jadi gerimis,
Binatang di hutan semuanya menangis.*

(Cerita rakyat Melayu bertajuk "Hajat Tak Sampai" oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor)

Kecerdasan muzik, *bodily-kinesthetic*, serta *naturalis* pula dapat membentuk emosi peserta komunikasi. Manakala kecerdasan *intrapersonal* dan *interpersonal* dapat membentuk kerohanian para peserta komunikasi. Di samping itu, ketika berlakunya proses komunikasi, kreativiti penglipur lara mempelbagaikan kecerdasannya dapat menghasilkan nilai keindahan. Penciptaan cerita-cerita rakyat Melayu sememangnya bersifat indah, pelbagai, teratur, dan harmoni dan penyampaiannya kepada khalayak bukan hanya bertujuan menyampaikan maklumat atau perutusan semata-mata tetapi turut ingin menghiburkan khalayak. Contohnya, ketika menuturkan cerita rakyat Melayu, penglipur lara akan memukul gendang sambil menggerakkan badan serta melahirkan ekspresi yang bersesuaian dengan cerita yang sedang diperdengarkan. Fenomena ini membuktikan bahawa komunikasi *verbal* dan *non-verbal* yang dilakukan oleh penglipur lara mempunyai tujuan atau niat secara sedar.

Proses komunikasi dan sfera keindahan dalam persempahan penglipur lara atau sumber adalah bermula daripada kekuasaan Allah yang maha mencipta, ia kemudian dapat dirasai oleh pancaindera penglipur lara. Fenomena ini dapat memberi kesan kepada kreativiti dan proses penciptaan cerita rakyat Melayu. Oleh yang demikian itu, penyampaian cerita rakyat Melayu yang diwarisi daripada komunikasi tradisi ini lebih bersifat indah dan unggul. Contohnya, menerusi idea dan penggunaan bahasa penglipur lara dapat memperlihatkan keindahan ketika persempahan. Fenomena tersebut menggambarkan kepelbagaian, teratur dan dihasilkan dengan penuh harmoni.

Pengaplikasian elemen kecerdasan pelbagai oleh sumber atau penglipur lara ketika berkomunikasi memperlihatkan proses kognitif. Seorang penglipur lara atau tukang cerita itu berupaya berfikir secara abstrak dalam menggarap pelbagai persoalan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Hasilnya, penyampaian cerita rakyat Melayu dapat membantu pembentukan individu dan masyarakat yang stabil dan harmoni daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

BUDAYA DAN PANDANGAN DUNIA

Pengaplikasian model R.L:KDHT dalam penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya memaparkan aspek budaya dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Sesungguhnya penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita adalah pengucapan seni yang bersifat indah dan menggambarkan keunikan budaya Melayu. Cerita-cerita rakyat Melayu sememangnya amat erat hubungannya dengan pandangan dunia, budaya, kepercayaan, pegangan, pemikiran,

falsafah dan menggambarkan keseluruhan cara hidup masyarakat yang mencakupi sistem ekonomi, politik dan sosial.

Menerusi R.L: KDHT, budaya amat berkait erat dengan proses komunikasi dan kewujudannya dapat membantu keberkesanannya proses komunikasi. Contohnya, matlamat proses komunikasi dua hala tidak akan tercapai sekiranya sumber dan penerima terdiri daripada latar budaya yang berbeza dan menyukarkan pentafsiran mesej. Jika diteliti menerusi fungsi pula, komunikasi turut bertindak sebagai penyebaran hasil kebudayaan dan melestarikan warisan masa lalu dalam kalangan generasi kini. Dari segi sosial pula, pengucapan seni seperti penyampaian cerita rakyat Melayu amat penting untuk menggambarkan fenomena yang meliputi pandangan dunia iaitu cara hidup sesuatu kelompok atau kumpulan komuniti. Penglipur lara sebagai sumber dalam proses komunikasi dua hala dapat berfungsi sebagai fantasi di samping membentuk sebuah masyarakat yang beretika dan harmoni.

Menerusi komunikasi dua hala, interaksi antara penglipur lara dan khalayak dapat menggambarkan kepentingan perhubungan antara sesama manusia yang akhirnya dapat membentuk sebuah kehidupan bermasyarakat yang sejahtera. Fenomena ini menggambarkan mengenai kenyataan hidup manusia yang tidak mampu hidup sendirian, iaitu manusia perlu berinteraksi dengan manusia lain serta sentiasa berkomunikasi untuk memuaskan kehendak sosial dan psikologinya. Kebudayaan dan masyarakat adalah dua konsep yang saling berhubung erat. Kebudayaan tidak mungkin wujud tanpa masyarakat, seperti juga tidak mungkin ada masyarakat tanpa individu.

Sehubungan itu, cerita rakyat Melayu dapat berfungsi sebagai hiburan serta mendidik menerusi nilai murni yang disogokan oleh penglipur lara. Nilai adalah merupakan panduan umum terhadap kelakuan dan amat bersesuaian dengan teori komunikasi yang juga merupakan suatu bentuk tingkah laku. Di samping itu, nilai dan pandangan dunia pula mempunyai peranan yang amat penting dalam budaya. Oleh yang demikian itu, nilai-nilai murni yang diserapkan dalam kalangan khalayak menerusi cerita rakyat Melayu dapat menanam rasa kemanusiaan, kehalusan jiwa, berbudaya, bernilai murni, beragama, berperadaban dan bertamadun tinggi.

Menerusi komunikasi dua hala terancang di antara penglipur lara dan individu melibatkan interaksi manusia antara manusia dengan penggunaan simbol-simbol seperti bahasa, *bodily-kinesthetic*, alat atau benda yang tertentu. Sehubungan itu, jelas menggambarkan bahawa penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara kepada khalayak adalah berkait erat dengan proses interaksi. Sehubungan itu, model R.L:KDHT


dapat memaparkan bahawa interaksi antara simbol-simbol membolehkan manusia menilai diri sendiri, di antara satu dengan lain, dan juga masyarakat. Oleh itu, dalam kehidupan bermasyarakat, komunikasi amat diperlukan dan ia bersifat simbolik.

KESIMPULAN


Binaan model R.L:KDHT berupaya memaparkan proses komunikasi dua hala di antara penglipur lara dan khalayak secara bulatan di samping pemaparan unsur asas dan tambahan. Peserta komunikasi secara serentak bertindak sebagai sumber dan penerima. Secara *intrapersonal*, model ini memperlihatkan komunikasi daripada perspektif Islam serta unsur kerohanian manakala secara *interpersonal* pula individu perlu berkomunikasi dengan individu lain untuk memuaskan kehendak sosial dan psikologinya. Kaitan erat antara kebudayaan dan masyarakat juga tidak dapat disangkal dan saling memerlukan dalam proses komunikasi. Kebudayaan tidak mungkin wujud tanpa masyarakat seperti juga tidak mungkin ada masyarakat tanpa individu dan pada asasnya manusia menyesuaikan diri dengan alam sekeliling dengan tujuan memenuhi keperluan asasnya.

Segala elemen tersebut adalah unit pengukuh dalam binaan model R.L:KDHT. Fenomena yang digambarkan menerusi komunikasi dua hala berbentuk bulatan secara *transaksional* akan memperlihatkan bahawa komunikasi tidak wujud secara terpencil. Setiap elemen tersebut sentiasa berhubung dengan setiap aspek lain dalam kehidupan ke arah keberkesanan komunikasi.

Akhirnya, binaan model R.L:KDHT dalam penganalisisan cerita rakyat Melayu dan penyampaiannya oleh penglipur lara dapat memaparkan kesepadan di antara genre sastera tradisi dan teori yang bersifat sistematik. Komunikasi tradisi yang diamati menerusi kajian yang lebih bersifat sistematik akan dapat menyerlahkan khazanah budaya masyarakat Melayu yang lebih bersifat unik. Proses komunikasi dua hala yang terancang menerusi model R.L:KDHT dapat membentuk kejayaan dan keberkesanan interaksi antara penglipur lara dan khalayak. Ia dapat menghibur, mendidik, melestarikan serta memperluaskan horizon budaya Melayu. Di samping itu, ia turut membantu pembentukan emosi, rohani, dan intelek yang seimbang ke arah pembentukan insan sempurna. Sehubungan itu, gaya penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita yang bersifat kreatif dan kritis dapat diserlahkan secara lebih efektif.



Rajah 3: Komunikasi Berbentuk *Transaksional* Melalui Model R.Lina:
Komunikasi Dua Hala Terancang



Rajah 4: Model R. Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang

BIBLIOGRAFI

- Abdul Muati @ Zamri Ahmad, 2001. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran (sunt.), 1999. *Media Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran (sunt.), 2001. *Media Warisan Malaysia: Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar (sunt.), 2001. *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Othman Puteh (sunt.), 2000. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar, 2004. *Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- _____. 2004. Cerita Terpanjang. Batu Pahat. Temubual, 16 Julai.
- _____. 2004. Hajat Tak Sampai. Batu Pahat, Temubual, 15 Julai.
- _____. 2004. Kedidi Melawan Lautan. Batu Pahat, Temubual, 22 Julai.
- _____. 2004. Manusia Berhati Binatang. Batu Pahat, Temubual, 17 Julai.
- _____. 2004. Mat Jenin (Versi Selatan). Batu Pahat, Temubual, 19 Julai.
- _____. 2004. Tiada yang Pernah Betul. Batu Pahat, Temubual, 14 Ogos.
- Armstrong, T, 1993. *7 Kinds of Smart: Identifying and Developing Your Many Intelligences*. New York: A Plume Book.
- Annas Haji Ahmad, 1964. *Sastera Melayu Lama*. Pulau Pinang: Sinaran Bhd. Bros Ltd.
- Aripin Said, 1996. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.W.Widjaja, 1986. *Komunikasi-Komunikasi dan Hubungan Masyarakat*. Jakarta: PT. Bina Aksara.
- Bascom, R. William, 1965. Four Function of Folklore. Dlm. *The Study of Folklore*, disunting oleh Dundes, Alan. 279-298. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bascom, R. William, 1965. Folklore and Anthropology. Dlm. *The Study of Folklore*, disunting oleh Dundes, Alan. 25-33. New Jersey: Prentice-Hall.
- Berita Harian, 2009. Didikan Seimbang Jamin Kekuatan Akidah, Kemuliaan Akhlak Anak. 25 Mei.
- Berlo, D.K, 1960. *The Process of Communication: Introduction to Theory and Practice*. New York : Holt Rinehart & Winston.

- Braginsky, V.I, 1998. *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal*. Jakarta: INIS.
- Braginsky, V, I, 1992. "Erti Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu." *Dewan Sastera* 2: 32.
- _____. 1994. *Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cragan, John F., Wright D.W., Kasch C.R, 2004. *Communication In Small Group Theory, Process, Skills*, 6th ed. Belmont, California: Thomson Wasworth.
- DeVito, J.A, 2003. *Human Communication The Basic Course*. 9th ed. New York: Allyn and Bacon.
- Dick Hartoko, 1975. *Saksi Budaya*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Duncan, S, Fiske, Donald Jr, W. Fiske, 1977. *Face-to-face Interaction: Research, Methos, and Theory*. Hillsdale. N.J: Lawrence Erlbaum.
- Dundes, Alan, 1965. *The Study of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- _____. 1975. *Analytic Essays in Folklore*. The Hague: Mouton Publishers.
- Fatimah Yassin, 1990. Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan – Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. Dlm. *Dialog Kesusasteraan*, disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Gardner, H., 1983. *Frames of Minds. The Theory of Multiple Intelligences*. Oxford: Clarendon Press.
- Goleman, Daniel, 1995. *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Guilford, J.P, 1977. *Way Beyond The IQ*. New York: The Creative Education Foundation.
- Halimah Hassan, 1989. "Masyarakat dalam Sastera Rakyat." *Dewan Sastera* 8: 47-48
- Hamidah Abdul Hamid, 1995. *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Abd. Hamid, Haroon Awang (sunt. & terj.), 1996. *Konsep Penting dalam Komunikasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hartley, P, 1999. *Interpersonal Communication*, 2nd ed. London: Routledge.
- Hashim Fauzy Yaacob, 2001. *Komunikasi Antara Manusia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Haviland William A (terj.), 1988. *Antropologi*. 4th ed. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Hybels, S & Weaver II, R.L, 1995. *Communication Effectively*, 4th ed. New York: Mc Graw-Hill.
- Ismail Hamid, 1987. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Mohd Taib Osman, 1976. "Sastera Rakyat, Tinjauan Umum." Dlm. *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*, disunting oleh A. Bakar Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 1981. "Mengenalkan Kesusasteraan Rakyat." Dlm. *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, disunting oleh Jamilah Haji Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1981. Kesusasteraan Melayu dengan Corak Masyarakat dan Budayanya: Tradisi Lisan atau Sastera Rakyat yang Bercorak Cerita. Dlm. *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, disunting oleh Jamilah Haji Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (sunt.), 1989. *Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1991. *Pengkajian Sastera Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morreale, Sherwyn P. Spitzberg, Brian A. Barge, J. Kevin, 2001. *Human Communication, Motivation, Knowledge, & Skills*. Belmont, CA: Wadsworth Thomson Learning.
- Mustafa Mohd. Isa, 1984. *Penglipur lara Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norazit Selat, 2001. Adat Melayu: Kesinambungan dan Perubahan. Dlm. *Adat Melayu Serumpun Adat bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*, disunting oleh Abdul Latiff Abu Bakar. 87-98. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Noriah Taslim, 1998. "Budaya Lisan dan Pemikiran Primitif: Fakta dan Mitos." *Dewan Sastera*. 3: 7-12.
- Noriah Taslim, 1997. "Antara Lafaz Makna: Estetika Tersirat dalam Sastera Melayu Tradisional," *Dewan Sastera*. 7: 63-66.
- Noriah Taslim, 1993. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim (terj.), 1987. *Morfologi Cerita Rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panuti Sudjiman, 1988. *Memahami Cerita Rekaan*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Redmon, Mark V, 2000. *Communication: Theories and Applications*. Boston Mass: Houghton Mifflin Company.
- Rosenthal, F (terj.), 1958. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. vol 2, New York: Pantheon.
- Rohana Yusof, 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan, 1989. "Sastera Lisan Sebagai Sumber Nilai Budaya." *Dewan Sastera*. 5: 37-44
- S. Othman Kelantan, 1989. "Sastera Lisan Sebagai Sumber Nilai Budaya." *Dewan Sastera*. 6: 18-23
- Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, Johan Jaaffar (sunt.), 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd. Yusof Hussain, 2003. *Teori-Teori Komunikasi*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shamsudin Abdul Rahim, 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sternberg, J. Robert, Detterman, K. Douglas (sunt.), 1986. *What Is Intelligence?*. Norwood, N. J: Ablex Publishing Co.
- Sweeney, Amin, 1980. *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature*. Berkeley: University of California Press.
- Sweeney _____. 1987. *A Full Hearing, Orality and Literacy in the Malay World*. Berkeley: University of California Press.
- Sweeney _____. 1994. *Malay Word Music: A Celebration of Oral Creativity*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, 1983. Kuala Lumpur: Darul-Fikir
- Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad (sunt.), 1990. *Dialog Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Utley, L. Francis, 1965. "Folk Literature: An Operational Definition." Dlm. *The Study of Folklore*, disunting oleh Dundes, Alan. 7-24. New Jersey: Prentice-Hall.
- Wan Abdul Kadir, 1993. *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- _____. 1993. *Budaya Melayu dalam Perubahan*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Watzlawick, P., Beavin, J., & Jackson, D, 1967. *Pragmatics of Human Communication: A Study of Interactional Patterns, Pathologies, and Paradoxes*. New York : W.W. Norton.
- Weber, Max, 1964. *The Theory of Social and Economic Organization*. New York: The Free Press of Macmillan Publishing Co., Inc.
- Weber _____. 1968. *Economy And Society*. New York: Bedminster Press.
- Wimal Dissanayak (terj.), 1993. *Teori Komunikasi Perspektif Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan, 1999. "Budaya Melayu: Akhlak Mulia Masyarakat Jaya." Dlm. *Seminar Kefahaman Budaya*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- _____. 1999. "Manusia, Budaya dan Jati diri. Dlm. *Seminar Kefahaman Budaya*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang dalam Tradisi Lisan

- _____. 1999. "Pantun sebagai Media dalam Masyarakat Melayu." Dlm. *Media Warisan Malaysia*, disunting oleh Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran. 31-37. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- _____. 2000. "Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme." Dlm. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*, disunting oleh Abdul Latiff Abu Bakar & Othman Puteh. 45-57. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.